



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PERLADANGAN DAN KOMODITI MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA
KE NAIROBI, KENYA UNTUK MENGHADIRI *MALAYSIAN PALM OIL
FORUM EAST AFRICA REGION 2023***

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof akan mengetuai delegasi Malaysia ke Nairobi, Kenya mulai 3 hingga 7 Julai 2023 bagi memberi ucap tama dan merasmikan *Malaysian Palm Oil Forum – East Africa Region 2023*. Forum ini diadakan untuk meneroka potensi pengembangan eksport minyak sawit di pasaran Afrika Timur, di samping memperkukuh kerjasama dua hala antara Malaysia dan Kenya dalam industri minyak sawit.

Semasa di Kenya, YAB Dato Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof dijadual mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian Kenya dan Menteri Perdagangan Kenya serta pemain industri sawit di sana. Mesyuarat yang akan diadakan bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan Kenya serta meneroka peluang perniagaan dalam sektor minyak sawit di negara berkenaan.

Selain itu, jadual lawatan beliau turut meliputi kunjungan ke kilang-kilang pemprosesan minyak sawit dan syarikat-syarikat pengeluaran makanan utama di Kenya. Lawatan ini dijangka akan menggalakkan kerjasama dan memberi peluang untuk meneroka potensi yang lebih luas bagi industri minyak sawit negara. YAB Timbalan Perdana Menteri juga dijangka akan mengadakan pertemuan dengan rakyat Malaysia di Kenya.

Malaysian Palm Oil Forum – East Africa Region 2023 merupakan platform untuk mempamerkan kepakaran Malaysia dalam industri minyak sawit dan meneroka peluang kerjasama dengan negara-negara Afrika Timur. Lawatan Timbalan Perdana Menteri ini memberi fokus ke atas komitmen Malaysia

dalam mempromosi pengeluaran minyak sawit mampan dan memperkukuhkan hubungan ekonomi dengan Kenya serta negara Afrika yang lain.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
1 JULAI 2023



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Level 8, Boulevard, Precint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mail: ukk@mpic.gov.my